

Pembaca berita RTM turut dikurniakan darjah kebesaran diraja Selangor

# Norashikin kini Tengku Permaisuri

Oleh SUHANA MD. YUSOP

**SHAH ALAM** – Selepas hampir 20 tahun menjadi pembaca berita Radio Televisyen Malaysia (RTM), takdir cinta Norashikin Abdul Rahman, 45, tidak ubah seperti sebuah kisah Cinderella apabila Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan kelmari melantiknya sebagai Tengku Permaisuri Selangor.

Setiausaha Dewan Diraja Selangor, Hanafisah Jais dalam satu kenyataan semalam berkata, dengan pelantikan yang berkuat kuasa kelmari, Norashikin akan memakai gelaran Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

Menurutnya, Sultan Selangor selepas berunding dengan Dewan Diraja Selangor yang bersidang kelmari turut berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) yang membawa gelaran Datin Paduka Seri kepada Norashikin.

Pada 31 Ogos lalu, Sultan Selangor melangsungkan perkahwinannya dengan Tengku Permaisuri Norashikin dalam satu majlis yang diadakan secara ringkas dan sederhana di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah Klang.

Baginda berdua diijabkabulkan oleh Mufti Selangor, Datuk Mohd. Tanyes Abdul Wahid dan disaksikan Timbalan Mufti, Dr. Anhar Opir dan Imam Paduka Tuan, Rasid Mahful.

Turut hadir menyaksikan majlis perkahwinan baginda itu ialah bapa dan ahli keluarga pihak pengantin perempuan.

Membuat penampilan pertama di kaca televisyen sejak tahun 1996, Norashikin menjadi antara penyampai berita paling senior di RTM apabila mengemudi *Berita Nasional 8* dan *Dunia Jam 10* sejak hampir 20 tahun lalu.

Keperahan, keyakinan dan kecantikan Tengku Permaisuri Norashikin sewaktu menyampaian berita akhirnya membolehkannya memenangi Anugerah Penyampai Berita Terbaik Anugerah Seri Angkasa 2005.




SULTAN SHARAFUDDIN melantik Norashikin sebagai Tengku Permaisuri Selangor dengan memakai gelaran Tengku Permaisuri Norashikin berkuat kuasa kelmari.

Kelembutan butir bicara dan keayuan Norashikin rupa-rupanya bukan hanya menarik hati jutaan rakyat Malaysia, bahkan menawan hati Sultan Selangor.

Ini merupakan perkahwinan ketiga baginda selepas perkahwinan pertamanya dengan Raja Zarina Raja Tan Sri Zainal pada tahun 1968, namun berpisah pada tahun 1988. Hasil perkahwinan itu, pasangan diraja itu dikurniakan dua puteri bernama Tengku Zerafina dan Tengku Zatahah.

Kemudian, baginda berkahwin dengan Puan Nur Lisa Idris Abdullah warga Amerika Syarikat pada tahun 1988 sebelum masing-masing mengambil keputusan untuk berpisah pada 1997.



TENGGU PERMAISURI NORASHIKIN turut dikurniakan Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor oleh Sultan Sharafuddin.

Tengku Permaisuri Selangor akan mengiringi baginda Sultan Selangor dalam majlis-majlis rasmi selepas ini

MOHAMAD MUNIR BANI

Bersama Puan Nur Lisa, baginda mempunyai seorang putera bernama Tengku Amir Shah.

Tengku Permaisuri Norashikin yang berasal dari Kuala Lumpur merupakan anak bongsu daripada tiga adik-beradik.

Sementara itu, Setiausaha Sulit Kepada Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani ketika dihubungi mengesahkan pengumuman pengurniaan gelaran Tengku Permaisuri Selangor dan darjah kebesaran itu oleh baginda.

Bagaimanapun, beliau menyatakan pihak istana tidak akan mengadakan sebarang istiadat pemsyukuran rasmi mengenai pelantikan Tengku Permaisuri



KEBIJAKSANAAN dan keperahan Tengku Permaisuri Norashikin sebagai pembaca berita membolehkan baginda diangkat sebagai Penyampai Berita Terbaik Anugerah Seri Angkasa tahun 2005.



KERATAN Kosmo! 3 September 2016.

Norashikin sebagai Tengku Permaisuri Selangor.

“Tidak ada istiadat rasmi akan dilakukan (oleh pihak istana), hanya pengumuman mengenai perkara itu. Bagaimanapun, Tengku Permaisuri Selangor akan mengiringi baginda Sultan Selangor dalam majlis-majlis rasmi selepas ini,” katanya